

NAMA:

TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2026

SEJARAH

KERTAS 1

1 JAM

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Modul ini mengandungi 13 halaman bercetak termasuk muka hadapan

1 Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

- Raja
 - Rakyat
 - X
 - Wilayah pengaruh

Apakah X?

- A Kerajaan
- B Kedaulatan
- C Undang-undang
- D Lambang Kebesaran

2 Antara yang berikut, yang manakah terkandung dalam Hukum Kanun Melaka?

- I Penetapan cukai
- II Kesalahan jenayah
- III Peranan pemerintah
- IV Hubungan luar negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Maklumat berikut berkaitan dengan perjuangan nasionalisme peringkat awal di Indonesia melalui penulisan karya.

Tokoh Nasionalis	Hasil Karya
Raden Adjeng Kartini	• Habis Gelap Terbitlah Terang • Penulisan Seorang Puteri Jawa

Apakah mesej yang terkandung dalam karya tersebut?

- A Kemelesetan ekonomi negara
- B Kelemahan bidang perundangan
- C Ketidakadilan sistem pemerintahan
- D Kemunduran penduduk peribumi

4 Jepun telah berjaya menewaskan Rusia pada tahun 1905.

Bagaimanakah kejayaan tersebut mempengaruhi sentimen penduduk di Asia Tenggara?

- A Pembentukan gerakan radikal
- B Menyemarakkan semangat nasionalisme
- C Memantapkan sistem pemerintahan
- D Pengukuhan sistem pertahanan

- 5 Mengapakah Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914?
- A Pengeboman Pearl Harbour
 - B Persengketaan Rusia dengan Britain
 - C Pencerobohan terhadap wilayah Jerman
 - D Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary
- 6 Ilustrasi berikut berkaitan kesengsaraan penduduk di Tanah Melayu semasa pendudukan Tentera Jepun pada tahun 1941 - 1945.



Apakah kesan keadaan tersebut terhadap penduduk Tanah Melayu?

- A Mendapatkan bantuan luar
 - B Menyerahkan nasib kepada penjajah
 - C Membentuk tentera selempang merah
 - D Memulakan kerjasama dengan tentera British
- 7 Jadual berikut berkaitan perkembangan politik di Tanah Melayu dan Sarawak .

Tarikh	Peristiwa
1 April 1946	Pengisytiharaan Malayan Union
1 Julai 1946	Penyerahan Sarawak kepada British

Mengapakah kedua-dua peristiwa tersebut menghadapi tentangan?

- A Kuasa raja berkurangan
 - B Sempadan negeri diubah
 - C Hak penduduk asal terjejas
 - D Adat istiadat tempatan diganggu
- 8 Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat bantahan daripada penduduk tempatan?
- I Dijanjikan hak mentadbir sendiri
 - II Penduduk Sabah bimbang ditangkap
 - III Tidak memahami tujuan penyerahan
 - IV Menganggap peluang memajukan perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 9 Apakah kandungan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Pilihan raya
 - B Perkongsian kuasa
 - C Kemerdekaan Tanah Melayu
 - D Pembentukan Majlis Raja-Raja
- 10 Mengapakah orang Melayu bersetuju dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Penamatan penjajahan British
 - B Kedudukan raja Melayu terpelihara
 - C Bahasa melayu sebagai Bahasa kebangsaan
 - D Raja turut terlibat menggubal undang-undang
- 11 Mengapakah Sir Edward Gent mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu pada Jun 1948?
- A Balai polis dibakar
 - B Kemudahan asas disabotaj
 - C Ancaman terhadap keselamatan rakyat
 - D Pembunuhan pengurus ladang Eropah
- 12 Gambar berikut berkaitan penguatkuasaan undang-undang darurat di Tanah Melayu.



Kad pengenalan Persekutuan Tanah Melayu

Bagaimanakah kad pengenalan tersebut membantu menangani ancaman komunis?

- A Membentuk kesetiaan rakyat
- B Mengenal pasti orang awam
- C Mempercepatkan proses bancian penduduk
- D Meningkatkan jumlah warga negara Tanah Melayu

- 13 Mengapakah penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum penting kepada negara?

A Mempercepat kemerdekaan
 B Pemantapan sistem kabinet
 C Penetapan syarat kerakyatan
 D Merangka perlembagaan Persekutuan

- 14 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 mengutamakan dua perkara penting untuk membentuk perpaduan kaum.

Apakah perkara tersebut?

I Kemahiran teknikal
 II Kurikulum seragam
 III Sukatan pelajaran yang sama
 IV Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 15 Petikan berikut berkaitan tarikh pilihanraya umum negara.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 19 November 2022 sebagai tarikh pengundian untuk pengundi Malaysia melaksanakan tanggungjawab pada pilihanraya umum ke-15 (PRU15).

Sumber : Bernama, 2022 Oktober 2022

Apakah syarat menjadi pengundi dalam pilihanraya tersebut?

I Berumur 21 tahun
 II Mendaftar sebagai pengundi
 III Ahli parti politik yang bertanding
 IV Tidak muflis

A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 16 Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) telah bersidang buat pertama kalinya pada 31 Ogos 1955.

Mengapakah peristiwa itu penting kepada Tanah Melayu?

A Langkah ke arah berkerajaan sendiri
 B British bersetuju memberikan kemerdekaan
 C Tiada lagi pelibatan pegawai British dalam kerajaan
 D Hala tuju negara ditentukan oleh kepimpinan tempatan



17. Gambar berikut berkaitan Rundingan London yang diadakan pada tahun 1956.



Apakah keputusan yang dipersetujui dalam rundingan tersebut?

- A. Mengagihkan kuasa Persekutuan
 - B. Menubuhkan suruhanjaya merangka perlembagaan
 - C. Melaksana pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
 - D. Membentuk Jawatankuasa Antara Kaum
18. Apakah yang dilakukan anda sebagai pemimpin Tanah Melayu pada tahun 1950-an untuk mempercepatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A. Mengadakan demonstrasi
 - B. Berunding dengan komunis
 - C. Memperkukuh perpaduan kaum
 - D. Mendapatkan sokongan negara luar

- 19 Pasangan gambar manakah yang betul berkaitan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara 1957 oleh kedua-dua jawatankuasa berikut?

	Jawatankuasa Persediaan Fizikal	Jawatankuasa Sambutan
A		
B		LAQU NEGARAKU Negaraku, Tanah tumpahnya darahku, Rakyat hidup, Berseutu dan maju, Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan, Raja kita selamat bertakhta, Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan,
C	LAQU NEGARAKU Negaraku, Tanah tumpahnya darahku, Rakyat hidup, Berseutu dan maju, Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan, Raja kita selamat bertakhta, Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan,	
D	Bendera Persekutuan Tanah Melayu 	

- 20 Maklumat berikut berkaitan ciri Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang berdaulat.

- Rakyat
- Kerajaan
- Lambang
- Undang-undang
- X

Apakah X?

- A Raja
- B Pemerintahan
- C Sempadan negara
- D Wilayah pengaruh

21 Mengapa konsep daulat penting kepada raja Melayu sebelum kedatangan British?

- I Memperkukuh kedudukan
- II Mengikat kesetiaan rakyat tempatan
- III Memperluaskan peranan pembesar Melayu
- IV Menghalang peluasan pengaruh kerajaan Siam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Serangan Israel dan Amerika Syarikat terhadap Iran pada 28 Februari 2026 adalah satu pencabulan kedaulatan negara.

Apakah tindakan anda seandainya menjadi rakyat negara tersebut?

- A Berlindung di tempat selamat
- B Berusaha keluar daripada negara
- C Menyertai pasukan sukarelawan
- D Mengutuk tindakan serangan tersebut

23 Mengapakah Perlembagaan Persekutuan Malaysia dianggap unik?

- A Digubal oleh barisan hakim terkenal
- B Gabungan unsur tradisional dan moden
- C Boleh dipinda berdasarkan situasi semasa
- D Disesuaikan berdasarkan model Westminster

24 Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali.

Mengapakah parlimen terpaksa melakukan pindaan tersebut?

- A Pengekalan kesejahteraan
- B Perubahan ekonomi dunia
- C Mengurangkan tekanan serantau
- D Mematuhi kehendak Yang di-Pertuan Agong

25 Maklumat berikut berkaitan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

- Membubarkan Parlimen
 - Mengisytihar darurat

Apakah bidang kuasa tersebut?

- A Perundangan
- B Kehakiman
- C Eksekutif
- D Berkanun

26 Pilihan raya di Malaysia dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Bagaimanakah suruhanjaya tersebut melaksanakan tugas mereka ?

- I Menyediakan daftar pemilih
- II Menerbitkan manifesto parti bertanding
- III Melaksanakan kempen sebelum pilihanraya
- IV Mengisytihar parti yang menang bertanding

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan Senarai Negeri di negara ini.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pertahanan • Pelajaran • X |
|--|

Apakah X?

- A Pertahanan
- B Kewarganegaraan
- C Pertanian dan perhutanan
- D Perhubungan dan pengangkutan

28 Mengapakah Bahagian Ketiga Sarawak disyiharkan sebagai "Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)"?

- A Serangan lanun
- B Ancaman komunis
- C Pendaratan tentera Indonesia
- D Pencerobohan pengganas Kepulauan Sulu



29 Maklumat berikut berkaitan garis masa proses pembentukan Persekutuan Malaysia.

Januari 1962	↑	Pembentukan Suruhanjaya Cobbold
November 1961		Rundingan London
Julai 1961		Penubuhan Jawatankuasa Setiakawan Malaysia (JSKM)
Julai 1961		X

Apakah X?

- A Siri lawatan
 - B Suruhanjaya Reid
 - C Rundingan London
 - D Referendum Singapura
- 30 Dialog berikut mungkin berlaku pada tahun 1963 antara penduduk Sabah dengan penduduk Sarawak.

Encik X	: Kita ada keistimewaan walaupun telah menyertai Persekutuan Malaysia.
Encik Y	: Betul, kita beruntung kerana turut menjadi keluarga Malaysia.

Keistimewaan tersebut adalah kuasa mengawal dan menguruskan

- A kewangan
 - B pertahanan
 - C dasar luar negeri
 - D hal ehwal imigresen
- 31 Penduduk di Sabah dan Sarawak masih bergantung kepada pertanian sara diri selepas pembentukan Malaysia.
- Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?
- A Melancarkan kempen berniaga
 - B Memberi pendidikan pemasaran
 - C Membuka ladang pertanian swasta
 - D Menggalakkan penanaman kelapa sawit

32 Tugu Negara telah dibom oleh komunis pada pagi 26 Ogos 1975.

Apakah tindakan kerajaan selepas peristiwa tersebut?

- A Membuka Kampung Baru
- B Melaksanakan perang saraf
- C Memulakan Operasi Hammer
- D Menandatangani Perjanjian Kerjasama Sempadan

33 Maklumat berikut berkaitan dasar pembangunan sosial negara.

- Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Bahasa Kebangsaan

Mengapakah dasar- dasar tersebut dilaksanakan?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat
- C Menjamin kecemerlangan negara
- D Mempertingkatkan sahsiah masyarakat

34 Mengapakah Rukun Negara dibentuk?

- I Mengekalkan keadilan
- II Menyatukan rakyat
- III Menanamkan taat setia
- IV Menjamin kebebasan bersuara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 35 Gambar berikut berkaitan Rancangan Buku Hijau yang telah dilancarkan pada tahun 1974.



Apakah aktiviti ekonomi yang disarankan dalam rancangan tersebut?

- A Perniagaan
- B Pertukangan
- C Penternakan
- D Perindustrian

- 36 Encik Ali telah menemui pegawai daripada agensi X untuk mengusahakan tanaman padi dengan menggunakan teknologi moden.

Apakah X?

- A Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)
- B Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
- C Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- D Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI)

- 37 Bagaimana Kesultanan Melayu Melaka dapat menjalin hubungan yang erat dengan kerajaan di luar Alam Melayu pada abad ke -15?

- A Perkahwinan diraja
- B Pertukaran teknologi
- C Penghantaran utusan
- D Pembukaan pejabat diplomatik

TAMAT JUDOM

- 38 Gambar berikut berkaitan mesyuarat Majlis Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ke-39 di Malaysia pada 23 September 2025.



Mengapakah kawasan perdagangan tersebut diwujudkan?

- I Memupuk kerjasama ekonomi
- II Mengurangkan tarif dan cukai barangan
- III Mengawal laluan kapal dagang secara kerjasama
- IV Mewujudkan syarikat perdagangan ASEAN bersama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Mengapakah Malaysia tidak menjalin hubungan diplomatik dengan negara Israel?

- I Kekejaman terhadap rakyat Palestin
- II Tiada kepentingan ekonomi dan politik
- III Selari dengan pendirian negara serantau
- IV Tidak mengiktiraf kedaulatan negara Israel

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 40 Deklarasi Langkawi dihasilkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur pada tahun 1989.

Apakah kandungan deklarasi tersebut?

- A Menangani isu alam sekitar
- B Menyediakan dana pelancongan
- C Mengisytihar Langkawi bebas cukai
- D Membanteras jenayah pemerdagangan orang

MODUL TAMAT